



MUT AKHIR

Konvensyen Buruh Maritim akan dikuat kuasa 20 Ogos

2014/06/25 - 17:34:30 PM

Emel Kaw an Cetak

LUMUT: Konvensyen Buruh Maritim (MLC) akan dikuat kuasa di negara ini mulai 20 Ogos ini bagi menjaga kebajikan dan kepentingan hak pelaut tempatan, kata Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia, Datuk Kapten Ahmad Othman.

Beliau berkata, Malaysia adalah antara 58 negara yang menerima MLC yang digubal pada tahun 2006 yang menggariskan piawaian minimum dan adil bagi pelaut di seluruh dunia.

Katanya, MLC menggariskan piawaian bagi keadaan tempat kerja yang selesa, penyediaan makanan halal bagi pelaut yang beragama Islam termasuk perlindungan insurans kesihatan.

"Kalau dulu hak pelaut tidak terjaga, dengan adanya konvensyen ini yang akan diguna pakai tidak lama lagi diharap dapat memelihara kepentingan mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Pelaut Peringkat Kebangsaan 2014 di sini, hari ini.

Katanya, setakat ini lebih 50,000 pelaut tempatan menyertai industri maritim di negara ini.

Ahmad berkata, selain itu Jabatan Laut turut memantau perkembangan peluang pendidikan pelaut dan setakat ini terdapat lebih 30 institut latihan maritim yang diiktiraf menawarkan kursus modular serta kursus kekompetenan mengikut piawaian Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO).

Terdahulu, pada majlis itu beliau menyampaikan biasiswa kepada lapan pelaut tempatan bagi meningkatkan tahap daya saing mereka sehingga peringkat tertinggi seperti pegawai jurutera atau navigasi manakala 13 pelaut yang kurang bernasib baik menerima sumbangan daripada Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA). Hari Pelaut disambut pada 25 Jun setiap tahun bermula 2011 setelah Pertubuhan Maritim Antarabangsa mendedikasikan tarikh itu untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan 1.5 juta pelaut di seluruh dunia ke arah peningkatan ekonomi dan perdagangan.

Pelbagai aktiviti diadakan sempena Hari Pelaut antaranya pameran maritim, sesi temu duga syarikat perkapalan, taklimat kerjaya pelaut, taklimat kepada pelaut berkenaan 'Hak Anda Sebagai Pelaut' dan pemeriksaan kesihatan percuma.

- BERNAMA

DISYORKAN

Mungkin dia cemburu - Farid Kamil

Muhyiddin adakan lawatan rasmi ke Kemboja esok

Lelaki panggang, makan budak diculik

DARI SELURUH LAMAN

WEB

7 Reasons Your Metabolism is Slow And You Gain Weight
(Fitnea)The top ten things you didn't know about Ireland
(IrishCentral)Should I provide linens in my vacation rental?
(WeNeedaVacation.com)